



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN KEWANGAN**  
**KOD KURSUS : DSM2163**  
**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama penuh pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.
7. Jadual kewangan nilai kini dan depan (*PVIF, FVIF table*) dilampirkan.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

(Tunjukkan semua jalan kerja)

**SOALAN 1**

**ABDUH BERHAD**  
**KUNCI KIRA-KIRA PADA 30 JUN 2019**

	RM		RM
Tunai	30,000	Akaun Belum Bayar	50,000
Sekuriti Boleh Pasar	20,000	Belanja Terakru	70,000
Akaun Belum Terima	50,000	Cukai	Terakru
20,000			
Belanja Terdahulu	15,000	Pinjaman Jangka Panjang	40,000
Inventori	75,000		
		Saham Biasa	60,000
Tanah dan Bangunan	100,000	Perolehan Tertahan	50,000
(bersih)			
<b>JUMLAH ASET</b>	<b><u>290,000</u></b>	<b>JUMLAH LIABILITI &amp; EKUITI</b>	<b><u>290,000</u></b>

**ABDUH BERHAD**  
**PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2019**

	RM
Jualan (100% Kredit)	170,000
Tolak : Kos barang dijual	(100,000)
Untung kasar	70,000
Tolak : Belanja jualan	(33,000)
Pendapatan sebelum cukai dan faedah	37,000
Tolak : Faedah	(7,000)
Pendapatan sebelum cukai	30,000
Tolak : Cukai	(12,000)
Pendapatan selepas cukai	18,000

**NISBAH KEWANGAN ABDUH BHD. 2018**

Nisbah semasa	1.60 kali	Nisbah hutang	60.0%
Nisbah cepat	1.20 kali	Tempoh purata kutipan	106 hari
Pusing ganti inventori	2.00 kali	Pulangan atas aset	6.20%
Margin untung bersih	16.70%	Tampungan faedah	7.0 kali

Berdasarkan penyata kewangan di atas:

- a. Kirakan nisbah kewangan bagi Abduh Berhad bagi tahun 2019 berserta komen prestasi syarikat berbanding tahun 2018.

(12  
markah)

- b. Berdasarkan **empat (4)** kategori nisbah di atas, berikan penilaian prestasi kewangan syarikat berbanding tahun 2018.

(8 markah)

**SOALAN 2**

Berikut merupakan maklumat anggaran belanjawan tunai Dairy Sdn. Bhd. bagi suku keempat tahun 2016.

1. Anggaran jualan adalah seperti berikut:

Bulan	RM
Ogos	210,000
September	200,000
Oktober	240,000
November	220,000
Disember	280,000

50% daripada jualan merupakan jualan tunai. 30% daripada jualan diterima sebulan selepas jualan manakala 20% lagi diterima dalam tempoh dua (2) bulan selepas jualan berlaku.

2. Anggaran belian daripada pembekal adalah seperti berikut:

Bulan	RM
Ogos	85,000
September	76,000
Oktober	73,000
November	100,000
Disember	90,000

50% daripada belian adalah secara tunai dan bakinya dibayar sebulan selepas transaksi belian berlaku.

3. Pada bulan November 2016, syarikat dijangka akan menerima dividen sebanyak RM35,000.

4. Maklumat perbelanjaan syarikat adalah seperti berikut:
  - a) Kos overhead tetap syarikat adalah RM6,000 setiap bulan
  - b) Kos overhead berubah syarikat dianggarkan 1% daripada nilai jualan setiap bulan
  - c) Insurans sebanyak RM3,500 sebulan
5. Bunga atas pinjaman sebanyak RM7,400 mula dibayar pada bulan Disember.
6. Pada bulan Oktober 2016, syarikat menjangkakan akan membeli sebuah lori dengan bayaran deposit berjumlah RM35,000.
7. Baki awal bulan Oktober 2016 adalah RM20,000 dan syarikat mensasarkan baki minimum tunai bulanan berjumlah RM15,000.

**Anda dikehendaki:**

- a. Menyediakan belanjawan tunai bagi Dairy Sdn.Bhd untuk tempoh suku keempat tahun 2016.

(16 markah)

- b. Jelaskan bagaimana **dua (2)** perkara berikut dicatat dalam belanjawan tunai sesebuah syarikat:

- i. susut nilai bangunan
- ii. dividen diterima daripada aktiviti pelaburan

(4 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

(Tunjukkan semua jalan kerja)

**SOALAN 1**

- a. Berikut merupakan Penyata Kedudukan Kewangan bagi Trendy Holdings Bhd.

**TRENDY HOLDINGS SDN. BERHAD**  
**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020 (RM'000)**

<b>Aset Tetap</b>	
Bangunan dan Peralatan	5,500
<b>Aset Semasa</b>	
Tunai	1,000
Akaun Belum Terima	2,500
Inventori	3,500
<b>Jumlah Aset</b>	<u><u>12,500</u></u>
<b>Liabiliti Semasa</b>	
Akaun Belum Bayar	3,000
Nota Belum Bayar	1,500
Akruan	2,000
<b>Liabiliti Jangka Panjang</b>	
Bon	2,500
<b>Ekuiti</b>	
Saham Biasa	2,500
Perolehan Tertahan	1,000
<b>Jumlah Liabiliti &amp; Ekuiti</b>	<u><u>12,500</u></u>

- i. Jualan semasa berjumlah RM60,000,000 dan dijangka meningkat sebanyak RM15,000,000 pada tahun berikutnya.
- ii. Untung bersih semasa syarikat berjumlah RM1,800,000.
- iii. Dividen dibayar pada tahun 2020 berjumlah RM900,000.
- iv. Syarikat telah mencapai tahap kapasiti penuh dan bercadang untuk memperoleh dana tambahan dengan menerbitkan bon untuk meningkatkan jualan tahunan.

Berdasarkan maklumat di atas, anda dikehendaki menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan Pro Forma syarikat bagi tahun 2021.

(10

markah)

- b. i. Diberi **dua (2)** pilihan aliran tunai yang berikut untuk anda terima pada hari ini. Manakah yang menjadi pilihan anda jika kadar diskaun adalah 7% setahun?

Pilihan A: Menerima RM90,000 setiap tahun selama 3 tahun, **atau**

Pilihan B: Menerima RM50,000 setiap tahun untuk lima tahun pertama, dan RM60,000 pada tahun keenam

(6 markah)

- ii. Jelaskan **satu (1)** sebab pengetahuan berkaitan 'nilai masa wang' penting kepada pengurus kewangan sesebuah syarikat.

(2 markah)

- iii. Huraikan maksud 'keputusan pelaburan' dalam pengurusan kewangan.

(2 markah)

## SOALAN 2

a. Pitchy Bhd. menjangkakan syarikat akan mengalami kekurangan dana untuk tempoh tujuh bulan sepanjang tahun 2021. Oleh sebab itu, syarikat memerlukan RM670,000 untuk tempoh tersebut bagi menampung modal kerja dan kos menjalankan projek jangka pendek. Kirakan kadar bunga efektif bagi setiap alternatif yang berikut:

- i) **Alternatif 1:** Membuat pinjaman dari Bank Pembangunan pada kadar 6.5% bunga terdiskaun (*discounted interest*) dan 5% baki pampasan (*compensating balance*).

(5.5

markah)

- ii) **Alternatif 2:** Menggunakan kemudahan garisan kredit (*revolving line of credit*) bernilai RM1,000,000 dengan 3.5% yuran komitmen dikenakan atas kredit yang tidak digunakan dan kadar bunga atas pinjaman adalah 7%.

(5

markah)

- iii) **Alternatif 3:** Menerbitkan kertas komersial dengan kadar bunga 4.3% setahun dan kos apungan dianggarkan sebanyak RM2,300.

(5.5

markah)

b. Bezakan di antara kos ekuiti dalaman (*internal*) dengan kos ekuiti luaran (*external*).

(4 markah)



**SOALAN 3**

Superb Trading merancang memulakan projek baru dan sedang dalam proses untuk memilih satu daripada dua projek yang saling menyingkir (*mutually exclusive project*), iaitu projek Sunshine dan projek Sunrise. Kos modal syarikat adalah sebanyak 8%. Berikut merupakan aliran tunai yang diunjur bagi kedua-dua projek:

Tahun	Projek Sunshine (RM)	Projek Sunrise (RM)
0	(1,900,000)	(1,900,000)
1	500,000	360,000
2	500,000	260,000
3	500,000	660,000
4	500,000	420,000
5	500,000	600,000

a. Sebagai pengurus kewangan Superb Trading, kirakan:

- i) Tempoh bayar balik untuk setiap projek. (5 markah)
- ii) Nilai kini bersih untuk setiap projek. (6 markah)
- iii) Kadar pulangan dalaman (*IRR*) untuk projek Sunshine (5 markah)

- b. Huraikan **dua (2)** sebab, sesebuah syarikat perlu membeli aset tetap (aset bukan semasa) yang baharu.

(4 markah)

#### SOALAN 4

- a. Muaz Corporation menganggarkan bahawa ia memerlukan 40,000 unit beg sebagai inventori untuk tahun 2021. Satu unit beg akan dibeli pada harga RM15. Pembekal akan membuat penghantaran selepas 2 minggu dari tarikh pesanan. Kos pemesanan berjumlah RM200 manakala kos penghantaran adalah 15% daripada kos belian. Menjadi kebiasaan amalan syarikat untuk memperuntukkan sebanyak 3,200 unit sebagai stok keselamatan. (Andaikan 50 minggu dalam setahun)

Berdasarkan maklumat di atas, kirakan:

- i. Kuantiti pesanan ekonomi (EOQ). Pesanan hendaklah dalam gandaan 100 unit.  
(4 markah)
- ii. Jumlah kos inventori  
(4 markah)
- iii. Titik pesanan semula (ROP).  
(2 markah)

- b. i. Jelaskan **tiga (3)** pengkelasan pembiayaan sesebuah syarikat berserta contoh.

(6 markah)

- ii. Berikan **dua (2)** kelebihan pembiayaan jangka pendek.

(4 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**



